

**SOALAN-SOALAN LAZIM PERKHIDMATAN ASNB eCHANNEL**
*Dikemas kini pada 1 Februari 2024*

<b>S1:</b>	<b>Apakah hubungan di antara Hong Leong Islamic Bank Berhad (“HLISB”) / Hong Leong Bank Berhad (“HLB”) dan Amanah Saham Nasional Berhad (“ASNB”)?</b>
J1:	HLISB dan HLB merupakan Penasihat Unit Amanah Institusi (“IUTA”) serta Ejen ASNB yang dibenarkan untuk memasar dan mengedar tabung-tabung unit amanah ASNB. Pelanggan boleh melakukan urus niaga ASNB dengan mudah di mana-mana cawangan HLISB/HLB di seluruh negara atau melakukan urus niaga ASNB terpilih secara dalam talian dan pada masa nyata melalui perbankan internet HLB Connect.
<b>S2:</b>	<b>Apakah urus niaga ASNB yang boleh dan tidak boleh dilakukan di HLB Connect?</b>
J2:	<p>Berikut merupakan urus niaga ASNB terpilih yang boleh dilakukan di HLB Connect:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Pertanyaan baki pelaburan dalam tabung-tabung unit amanah ASNB;</li> <li>(b) Penambahan akaun ASNB pihak ketiga sebagai akaun kegemaran;</li> <li>(c) Pelaburan baharu dalam tabung-tabung unit amanah ASNB yang tidak mempunyai pelaburan sedia ada; dan</li> <li>(d) Pelaburan tambahan dalam tabung-tabung unit amanah ASNB yang mempunyai pelaburan sedia ada.</li> </ul> <p>Pelanggan yang lebih selesa berinteraksi secara bersemuka masih boleh mengunjungi mana-mana cawangan HLISB/HLB, cawangan ASNB atau Ejen ASNB yang lain untuk melakukan urus niaga-urus niaga tersebut.</p> <p>Pelaburan permulaan, jualan balik, penukaran dan pemindahan tabung unit amanah ASNB serta penggunaan hak bertengang (<i>cooling-off right</i>) tidak boleh dilakukan di HLB Connect. Urus niaga-urus niaga tersebut perlu dilakukan di mana-mana cawangan HLISB/HLB, cawangan ASNB atau Ejen ASNB yang lain*.</p> <p>* Nota: Jualan balik boleh juga dilakukan di portal / aplikasi myASNB.</p> <p>Untuk pencerahan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) “Pelaburan baharu” merujuk kepada pelaburan baharu oleh pelanggan ASNB di dalam tabung unit amanah ASNB yang lain (cth. Pelaburan baharu dalam dana ASN Sara 2 oleh pelanggan yang mempunyai pelaburan sedia ada dalam ASN Imbang 1);</li> <li>(b) “Pelaburan permulaan” merujuk kepada pelaburan awal oleh pelanggan yang tidak mempunyai pelaburan sedia ada di dalam mana-mana dana ASNB.</li> </ul>
<b>S3:</b>	<b>Bilakah tarikh tutup permohonan tabung unit amanah ASNB baharu dan adakah unit tambahan akan diterbitkan selepas tarikh tutup tersebut?</b>
J3:	Untuk maklumat lanjut mengenai permohonan tabung unit amanah ASNB baharu, sila: <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) rujuk kepada prospektus dan halaman serahan produk tabung unit amanah ASNB;</li> <li>(b) layari laman sesawang ASNB (<a href="http://www.asnb.com.my">www.asnb.com.my</a>); atau</li> <li>(c) hubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di 03 7730 8899. Sila rujuk laman sesawang ASNB untuk waktu operasi yang terkini.</li> </ul>

<b>S4:</b>	<b>Bolehkah saya menarik balik pelaburan dalam tabung unit amanah ASNB sekiranya saya tidak berpuas hati dengan prospektus tambahan tabung unit amanah tersebut?</b>
J4:	<p>Untuk maklumat lanjut mengenai penarikan balik pelaburan dalam tabung unit amanah ASNB, sila:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) rujuk kepada prospektus dan halaman serlahan produk terkini tabung unit amanah ASNB;</li> <li>(b) layari laman sesawang ASNB (<a href="http://www.asnb.com.my">www.asnb.com.my</a>); atau</li> <li>(c) hubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di 03 7730 8899. Sila rujuk laman sesawang ASNB untuk waktu operasi yang terkini.</li> </ul> <p>Sila ambil maklum yang jualan balik tabung unit amanah ASNB tidak boleh dilakukan di HLB Connect. Urus niaga ini hanya boleh dilakukan di mana-mana cawangan HLISB/HLB, cawangan ASNB, portal myASNB atau Ejen ASNB yang lain.</p>
<b>S5:</b>	<b>Apakah yang dimaksudkan dengan hak tempoh bertenang (<i>cooling-off right</i>) dan bagaimanakah caranya untuk saya menggunakan hak tersebut?</b>
J5	<p>Hak tempoh bertenang merujuk kepada hak pemegang unit yang melabur dalam mana-mana tabung unit amanah harga berubah ASNB buat pertama kali untuk mendapatkan bayaran balik pelaburan sekiranya permintaan dibuat dalam tempoh bertenang.</p> <p>Bagi pemegang unit yang layak mendapatkan hak tempoh bertenang, pemegang unit boleh menggunakan hak tersebut dengan mengemukakan resit urus niaga pelaburan permulaan / baharu dalam tabung unit amanah harga berubah ASNB di mana-mana cawangan HLISB/HLB, cawangan ASNB atau Ejen ASNB yang lain.</p>
<b>S6:</b>	<b>Bilakah saya boleh melakukan urus niaga ASNB di HLB Connect?</b>
J6:	<p>Pelaburan baharu dan tambahan dalam tabung unit amanah ASNB boleh dilakukan pada Waktu Operasi Perniagaan ASNB seperti berikut:</p> <p>(a) Tabung Unit Amanah Harga Tetap Pukul 2.00 pagi hingga pukul 9.00 malam pada hari Isnin hingga hari Ahad (termasuk hari cuti umum kebangsaan dan Wilayah Persekutuan);</p> <p>(b) Tabung Unit Amanah Harga Berubah Pukul 2.00 pagi hingga pukul 9.00 malam pada hari Isnin hingga hari Ahad (termasuk hari cuti umum kebangsaan dan Wilayah Persekutuan); tertakluk pada waktu transaksi diproses: -</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Transaksi dilakukan sebelum pukul 4.00 petang – kemas kini selepas 2 hari bekerja</li> <li>• Transaksi dilakukan selepas pukul 4.00 petang – kemas kini selepas 3 hari bekerja</li> </ul> <p>(c) Perkhidmatan selain Transaksi (seperti Penambahan Kegemaran, Pertanyaan Baki dan Sejarah Urus Niaga) 24 jam sehari, dari hari Isnin hingga hari Ahad (termasuk hari cuti umum kebangsaan dan Wilayah Persekutuan)</p> <p>Permintaan pelaburan baharu dan tambahan akan diproses pada masa nyata melainkan dimaklumkan sebaliknya.</p>

	<p>Harga bagi Tabung Unit Amanah Harga Berubah dengan harga hadapan akan dikira berdasarkan NAB Tabung Unit Amanah berkenaan pada hari penilaian berikutnya (cth. jika Pelanggan membeli Tabung Unit Amanah pada hari ini, Pelanggan hanya akan mengetahui unit yang diperuntukkan pada hari bekerja berikutnya). Maklumat mengenai NAB boleh didapati di laman sesawang ASNB (<a href="http://www.asnb.com.my">www.asnb.com.my</a>). Tabung Unit Amanah Harga Berubah adalah :-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Amanah Saham Nasional;</li> <li>ii. ASN Equity 2</li> <li>iii. ASN Equity 3</li> <li>iv. ASN Equity 5</li> <li>v. ASN Equity Global</li> <li>vi. ASN Sukuk</li> <li>vii. ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 1</li> <li>viii. ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 2</li> <li>ix. ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global</li> <li>x. ASN Sara (Mixed Asset Conservative) 1</li> <li>xi. ASN Sara (Mixed Asset Conservative) 2</li> </ul> <p>Sila ambil maklum yang urus niaga pelaburan baharu dan tambahan tidak boleh dilakukan di HLB Connect ketika tempoh penangguhan urus niaga (cth. disebabkan pengagihan pendapatan tabung unit amanah). Notis pemberitahuan akan dikeluarkan di HLB Connect tiga (3) hari sebelum tempoh penangguhan bermula.</p> <p>Sekiranya sistem tergendala sehingga menyebabkan urus niaga ASNB tidak boleh dilakukan di HLB Connect, notis pemberitahuan akan dikeluarkan di HLB Connect bagi menasihati pelanggan agar melakukan urus niaga ASNB di mana-mana cawangan HLISB/HLB, cawangan ASNB atau Ejen ASNB yang lain.</p>								
<b>S7:</b>	<b>Apakah had minimum dan maksimum amaun urus niaga untuk pelaburan baharu dan tambahan dalam tabung unit amanah ASNB di HLB Connect?</b>								
J7:	<p>Had amaun urus niaga untuk pelaburan baharu dan tambahan dalam tabung unit amanah ASNB di HLB Connect adalah seperti berikut:</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center; background-color: #cccccc;">Had Amaun Urus Niaga</th><th style="text-align: center; background-color: #cccccc;">Amaun</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">Minimum</td><td style="text-align: center;">RM1.00</td></tr> <tr> <td style="text-align: center;">Maksimum untuk akaun ASNB sendiri dan akaun ASNB minor yang berdaftar di bawahnya</td><td style="text-align: center;">RM50,000.00</td></tr> <tr> <td style="text-align: center;">Maksimum untuk akaun ASNB pihak ketiga</td><td style="text-align: center;">RM25,000.00</td></tr> </tbody> </table> <p>Pelanggan boleh menukar had maksimum amaun urus niaga pilihan di HLB Connect.</p> <p>Sila ambil maklum yang pelaburan baharu dan tambahan:</p> <p>(a) Adalah tertakluk pada kesediaaan tabung unit amanah ASNB dan had pelaburan individu;</p> <p>(b) Mesti dalam gandaan RM1.00 (amaun pelaburan dalam sen tidak diterima);</p> <p>(c) Adalah tertakluk pada Caj Jualan ASNB dan Caj Perkhidmatan Bank.</p> <p>Pelanggan boleh merujuk laman sesawang ASNB (<a href="http://www.asnb.com.my">www.asnb.com.my</a>) untuk maklumat terkini.</p>	Had Amaun Urus Niaga	Amaun	Minimum	RM1.00	Maksimum untuk akaun ASNB sendiri dan akaun ASNB minor yang berdaftar di bawahnya	RM50,000.00	Maksimum untuk akaun ASNB pihak ketiga	RM25,000.00
Had Amaun Urus Niaga	Amaun								
Minimum	RM1.00								
Maksimum untuk akaun ASNB sendiri dan akaun ASNB minor yang berdaftar di bawahnya	RM50,000.00								
Maksimum untuk akaun ASNB pihak ketiga	RM25,000.00								

<b>S8:</b>	<b>Di manakah saya boleh dapatkan salinan bercetak prospektus tabung unit amanah ASNB dan borang pelaburan ASNB?</b>
J8:	<p>Salinan bercetak prospektus tabung unit amanah ASNB boleh didapati di mana-mana cawangan HLISB/HLB, cawangan ASNB dan Ejen ASNB yang lain. Sila ambil maklum yang salinan bercetak prospektus di cawangan HLISB/HLB adalah terhad untuk rujukan di dalam premis sahaja.</p> <p>Seiring dengan langkah ASNB ke arah transaksi tanpa kertas, borang pelaburan ASNB tidak lagi digunakan dan tersedia di premis-premis tersebut.</p>
<b>S9:</b>	<b>Di manakah saya boleh dapatkan penyata pengagihan pendapatan, laporan tahunan dan laporan interim pelaburan ASNB saya?</b>
J9:	<p>Laporan tahunan tabung unit amanah ASNB serta laporan interim tabung unit amanah harga berubah, yang mengandungi laporan syarikat pengurusan, laporan pemegang amanah, rumusan penyata kewangan beraudit bagi tahun tersebut dan laporan juruaudit akan diedarkan kepada pemegang unit tabung unit amanah ASNB yang berkenaan dalam tempoh dua (2) bulan dari tahun kewangan berakhir atau tempoh interim tabung unit amanah tersebut secara langsung ke alamat e-mel berdaftar pemegang unit.</p> <p>Laporan tahunan / interim tabung unit amanah ASNB yang lampau boleh didapati di laman sesawang ASNB (<a href="http://www.asnb.com.my">www.asnb.com.my</a>).</p>
<b>S10:</b>	<b>Siapakah yang boleh saya hubungi untuk pertanyaan berkaitan status urus niaga ASNB saya?</b>
J10:	<p>Resit pengesahan yang boleh didapati kembali akan dikeluarkan di HLB Connect apabila urus niaga ASNB secara dalam talian diproses.</p> <p>Sebagai alternatif, pelanggan boleh menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di 03 7730 8899. Sila rujuk laman sesawang ASNB untuk waktu operasi yang terkini.</p>
<b>S11:</b>	<b>Di manakah saya boleh belajar mengenai pelaburan dalam tabung unit amanah dengan lebih lanjut?</b>
J11:	Pelanggan boleh melayari laman sesawang Persekutuan Pengurus Pelaburan Malaysia ("FIMM") ( <a href="http://www.fimm.com.my">www.fimm.com.my</a> ) untuk mempelajari tentang pelaburan dalam tabung unit amanah.
<b>S12:</b>	<b>Adakah pelaburan saya dalam tabung unit amanah ASNB dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM")?</b>
J12:	Tidak, pelaburan pelanggan dalam tabung unit amanah ASNB tidak dilindungi oleh PIDM kerana tabung unit amanah bukan merupakan produk deposit. Wang yang dikeluarkan daripada deposit diinsuranskan untuk tujuan pembelian unit dalam mana-mana skim unit amanah tidak lagi dilindungi oleh PIDM.